

**SELASA 2 JULAI 2019**

**KENYATAAN MEDIA**

**OLEH YANG BERTHORMAT PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP**

**PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI  
DAN KESAKSAMAAN GENDER, PARLIMEN MALAYSIA**

**MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI  
DAN KESAKSAMAAN GENDER**

- 1) Jawatankuasa Pilihan Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender telah bermesyuarat buat kali ketiga pada hari ini, Selasa, 2 Julai 2019, jam 11.30 pagi di Bilik Jawatankuasa 2, Blok Utama, Parlimen Malaysia.
- 2) Mesyuarat ini telah dihadiri oleh kesemua ahli jawatankuasa yang terdiri daripada:
  - i. Yang Berhormat Puan Nor Azrina Binti Surip  
(Ahli Parlimen Merbok) – Pengerusi
  - ii. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago  
(Ahli Parlimen Klang)
  - iii. Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil  
(Ahli Parlimen Lembah Pantai)
  - iv. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani A/P Patto  
(Ahli Parlimen Batu Kawan)
  - v. Yang Berhormat Datin Mastura binti Mohd Yazid  
(Ahli Parlimen Kuala Kangsar)
  - vi. Yang Berhormat Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff  
(Ahli Parlimen Rantau Panjang)
  - vii. Yang Berhormat Tuan Ma'mun bin Sulaiman  
(Ahli Parlimen Kalabakan)

- 3) Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian dan Jabatan yang bertindak sebagai wakil tetap (*ex-officio*) seperti berikut:
- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
  - b) Jabatan Peguam Negara
  - c) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
  - d) Kementerian Kewangan
- 4) Mesyuarat hari ini telah mendengar dan berbincang mengenai Laporan Ringkas Lawatan ke Westminster, London oleh Pengerusi Jawatankuasa menghadiri program “Workshop on Gender Sensitive Scrutiny pada 17 hingga 19 Jun 2019”. Program ini bertujuan meningkatkan keupayaan Ahli-ahli Parlimen dalam menggubal dan meneliti Undang-undang yang terkait dengan sensitiviti gender. Manakala pada 24 hingga 27 Jun pula diteruskan dengan Lawatan Belajar ke Westminster yang dianjurkan oleh CPA United Kingdom bagi memberi pendedahan kepada fungsi, tanggungjawab, peranan dan cara perjalanan secara mendalam selaras dengan tujuan Manifesto Pakatan Harapan iaitu mengembalikan kewibawaan dan integriti Parlimen Malaysia.
- 5) Jawatankuasa ini akan mengadakan pertemuan bersama beberapa wakil NGO iaitu Gabungan Organisasi Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (JAG) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang mana kedua gabungan ini mewakili lebih daripada 100 organisasi wanita dari seluruh Malaysia. Pertemuan ini untuk membincangkan langkah-langkah usahasama melibatkan Jawatankuasa Parlimen dan masyarakat sivil.

6) Mesyuarat pada hari ini juga telah bersetuju untuk mengadakan temurapat bagi membincangkan pengagihan tugas terhadap isu-isu utama Jawatankuasa serta perbincangan mengenai "Gender Sensitive Parliament Audit" yang belum pernah dilakukan sebelum ini.

**YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI DAN  
KESAKSAMAAN GENDER, PARLIMEN MALAYSIA**